

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (BISNES)

TARIKH: 17 OGOS 2019

MUKA SURAT: 35

Kuala Lumpur

Tambah had pembiayaan pembeli rumah pertama

SP Setia Bhd berharap kerajaan akan menimbangkan untuk menjadikan proses pembiayaan lebih mampu untuk pembeli rumah pertama, khususnya mereka membeli hartanah untuk didiami.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Khor Chap Jen berkata, had pembiayaan penting kepada pembeli, kerana ia membolehkan mereka membayar pendahuluan pada kadar lebih rendah apabila membuat pembelian.

"Pengurangan kadar

dasar semalaman (OPR) (oleh Bank Negara Malaysia baru-baru ini) membantu sedikit dari segi terma kadar pembelian, tetapi apa yang lebih penting adalah had pembiayaan kerana mereka mampu membayar ansuran.

"Cabaran terbesar untuk mereka adalah bayaran pendahuluan. Jika had pembiayaan lebih rendah, ini bermakna mereka perlu membayar lebih banyak untuk wang pendahuluan," katanya pada taklimat media mengenai prestasi kewangan kumpulan itu bagi suku kedua, di sini,

baru-baru ini.

Khor juga berharap kerajaan persekutuan dan negeri dapat merendahkan had harga untuk pembeli asing bagi membolehkan mereka membeli hartanah di negara ini bagi mengurangkan jumlah hartanah tidak terjual.

"Kami menghargai usaha kerajaan mengurangkan unit yang tidak terjual, yang termasuk Kempen Pemilikan Rumah (HOC), tetapi kami ketika ini berdepan masalah hartanah tidak terjual, terutamanya hartanah berharga tinggi," katanya.